

Newspaper	Berita Harian
Date	20/11/2011

## Tribunal beri amaran kepada pemimpin dunia

**K**UALA LUMPUR: Tribunal Jenayah Perang Kuala Lumpur mungkin tidak 'menghukum' seperti mana Tribunal Nuremberg pada 1945/1946, namun ia akan memberi amaran kepada semua pemimpin dunia bahawa mereka tidak akan terlepas daripada pengadilan masyarakat dunia jika melakukan jenayah perang dan jenayah kemanusiaan.

Bekas penolong Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan bekas Koordinator Program Kemanusiaan PBB di Iraq, Denis J Halliday berkata, tribunal seumpama itu adalah 'pelengkap' peranan yang sepatutnya dimainkan badan dunia seperti PBB bagi memastikan keamanan sejagat dengan menolak peperangan.

"Ia adalah mahkamah rakyat membicarakan (bekas Presiden Amerika Syarikat) George W Bush dan (bekas Perdana Menteri Britain) Tony Blair atas jenayah perang yang mereka lakukan ke atas Iraq kerana



**PENGUNJUNG** tidak melepaskan peluang melawat pameran di Bangunan Al Bukhary, semalam.

serangan itu adalah tidak sah kerana tiada ancaman dan tidak mendapat mandat dari PBB selaku badan dunia.

"Serangan itu meragut nyawa 1.4 juta rakyat Iraq, lebih dua juta kehilangan rumah dan dua juta menjadi pelarian. Lebih menyedihkan apabila AS dan Britain

juga didakwa menggunakan 'depleted uranium' (senjata terlarang) yang mengakibatkan kanser dan juga leukemia kepada bayi baru lahir.

"Serangan itu juga menyebabkan status Iraq menjadi sama seperti negara miskin Somalia, dan ini adalah jenayah ke atas kemanusiaan," katanya kepada *Berita Minggu* selepas mengikuti perbincangan kedua-dua bekas ketua negara itu di Yayasan Menjenayahkan Perang Kuala Lumpur di Bangunan Al Bukhary, di sini semalam.

Katanya, apa yang lebih penting, tribunal itu memberikan isyarat kepada pemimpin dunia seperti Presiden AS, Barack Obama, Perdana Menteri Britain, James Cameron dan Presiden Perancis Nicolas Sarkozy bahawa mereka tidak boleh lari dan perlu bertanggungjawab ke atas apa yang berlaku di Libya.

Perkara itu dipersetujui Ahli Kongres AS, Cynthia McKinney bahawa sudah ti-

ba masanya masyarakat dunia melobi ke arah keamanan berbanding memilih 'perang sebagai jalan penyelesaian.'

Katanya, apa yang berlaku di Iraq adalah jenayah perang dan perlu dikutuk masyarakat dunia selain sesuatu perlu dilakukan bagi mengelakkannya berulang ke atas negara lain.

